


SOROTAN DARAT



1996

ASKAR WATANIAH

Bersedia Membantu Mempertahankan Negara



JURNAL TENTERA DARAT MALAYSIA

JILID 1

JUN 1996

BIL 29

KANDUNGAN

**Kedayaan dan Kemampuan Askar Wataniah
Dalam Konteks Pertahanan Menyeluruh
(HANRUH)**

Oleh Lt Kol Prof Madya Dr. Ahmad Fauzi bin
Mohd Basri

3

Pemenang Artikel Terbaik

10

**"Enhancement of Linkages in a Changing
Security Context - Ministerial Perspective"**

Oleh Menteri Pertahanan

11

**Planning The Malaysian Army for the 21st
Century**

Oleh Panglima Tentera Darat

17

**Peace Support Operations - Command, Control
and Training - A Malaysian Perspective**

Oleh Mej Jen Dato' Md Hashim bin Hussein

27

Security Implication of Computer Technology
oleh Brig Jen Mohd Zaki bin Hj Wan Mahmood

38

Assault on Peleliu, Why Was it Necessary?
oleh Kol Mohd Kamal bin Omar

49

**Perlaksanaan Sistem Latihan Teknikal
Kor JLJ Ke Sistem Latihan Vokasional**
oleh Lt Kol Safii bin Mohammad

55

**Field Artillery in an Anti Armour
Role in the Future**

oleh Lt Kol (B) Heera Singh

63

Pemansuhan 'Initial Spare Requirements'
oleh Lt Kol Khairuddin bin Haji Abu Bakar

73

**Jomini's 'Decisive Points' and Clausewitz's
'Centres of Gravity'**

oleh Mej R. Anthony Raja Gopal

85

Konsep Perang Terhad
oleh Kapt Saiful Anwar Md Ali

91



27




63



38

KEDAYAAN DAN KEMAMPUAN ASKAR WATANIAH DALAM KONTEKS PERTAHANAN MENYELURUH (HANRUH)

Lt Kol Prof Dr Madya Ahmad Fawzi bin Mohd Basri



PENDAHULUAN

Dalam keadaan yang ada masa kini, Askar Wataniah kurang mendapat perhatian sepenuhnya dari kerajaan, agensi pusat, pengurusan pertahanan negara dan rakyat jelata. Keadaan ini menjadi Askar Wataniah kekal statusnya sebagai askar kelas dua walaupun Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) merancang fasal membesarkan kekuatan pasukan simpanannya dalam nisbah 1 : 1 satu perubahan baru setelah lama bermadah dengan nisbah 3 simpanan bagi satu anggota tetap.

Dalam pada itu satu dari perubahan sosial yang berlaku di negara kita pasca Merdeka ini, ialah merosotnya idealisma tentang semangat kesukarelaan (volunteerism) dan semangat patriotik cinta-setia dan bela negara. Ini adalah kesan dari proses modenisme yang meletakkan keufamaan kepada nilai materialistik dan individualistik, kelihatan nilai-nilai murni tradisi yang meletakkan asas 'hidup bagai aur dengan tebing' dan 'cubit peha kiri dan peha kanan terasa jua' makin pudar. Dengan itu kita hidup dalam persaingan 'bagai enau melepaskan pucuk masing-masing.'

Zaman pasca Merdeka yang kian makmur dan kurang kelihatannya ancaman terhadap negara kita menyebabkan semangat kebangsaan (nasionalisma) di kalangan generasi muda, bagaikan tidak kelihatan. Perang Dunia dan Darurat yang lalu telah memberikan inspirasi untuk generasi muda berkhidmat dalam pasukan

SINOPSIS

Tumpuannya tulisan ini adalah kepada pengurusan pasukan-pasukan simpanan sukarela pada masa ini dengan mengambil PALAPES dan Rejimen 500 sebagai kajian kes. Kajian rambang telah dibuat terhadap pegawai kadet yang ditauliahkan dalam bulan Jun 93 dengan kerjasama Bahagian/Cawangan di KEMENTAH. Kajian terhadap pegawai yang sedang berkhidmat dalam satu Rejimen yang dipilih telah di lakukan bersama sosiologis Lt Shafee Saad. Manakala kajian rambang terhadap beberapa graduan yang telah ditauliahkan dan tidak aktif lagi dilakukan berdasarkan kaedah temubual tidak berstruktur.

tentera demi mempertahankan dan juga untuk keamanan negara. Masyarakat telah meletakkan 'status' tentera sebagai simbol kebanggaan negara. Keadaan ini telah berubah, kemewahan adalah simbol kehidupan baru dalam masyarakat kita, penyertaan dalam kerja kemasyarakatan dan 'bersiap-siaga untuk negara' diletakkan sebagai keutamaan yang rendah dalam kehidupan kita.

Walau apa jua yang berlaku, negara perlu dipertahankan. Kita terpaksa terus mengajak masyarakat dan generasi muda khususnya untuk sama-sama bersiap-siaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan ancaman terhadap negara. Kita tidak boleh membiarkan masyarakat leka dengan kehidupan materialistik semata-mata, kerana negara lebih selamat jika rakyatnya membuat pendekatan 'prosperity-security approach'. Dengan cara itu rakyat jelata akan merasa terlibat dalam ketahanan nasional sebagai pra-syarat HANRUH.

TUJUAN

Tulisan ini bertujuan untuk melihat kedayaan (efficacy) dan kemampuan (competence) Askar Wataniah atau Pasukan Simpanan atau Pasukan Simpanan Tentera Darat dalam menyempurnakan gagasan pertahanan menyeluruh (HANRUH).

SKOP

Skop kajian ini meliputi aspek-aspek berikut:

- * Dasar Pertahanan Negara.
- * Ancaman dan Permodenan
- * Pengurusan
- * Prestasi (Kemajuan dan Kemerosotan)

DASAR PERTAHANAN NEGARA

Tan Sri Musa Hitam di waktu beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri telah mencetuskan idea Dasar Pertahanan Negara (DPN) haruslah berasaskan konsep pertahanan menyeluruh (Kassim, 1989:4):

"Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita tidak mampu mewujudkan sebuah angkatan tetap yang besar. Dengan demikian pemimpin kita dan pihak perancang pertahanan telah menetapkan negara ini memerlukan konsep HANRUH sebagai salah satu elemen dalam DPN. Dalam HANRUH atau TOTAL DEFENCE, setiap pihak memainkan peranan dalam pertahanan negara dan hendaklah menjadikan sebagai sebahagian dari aktiviti masyarakat....."

HANRUH melibatkan empat komponen utama seperti berikut:

- * Angkatan Tetap (Regular Armed Forces).
- * Angkatan Kerangka iaitu kumpulan rakyat yang dilatih dan boleh dikerah bersiap-siaga bagi tujuan mempertingkatkan kekuatan angkatan tetap, ini termasuklah pasukan simpanan Angkatan Tentera dan pasukan para militer yang lain.
- * Bantuan nasional termasuk pengembelian sumber negara untuk pertahanan negara seperti sumber material, perkhidmatan pengangkutan dan organisasi pertahanan awam.
- * Bantuan luar negara khususnya ASEAN dan negara sahabat FPDA.

Dasar Pertahanan Negara menetapkan dalam era teknologi moden HANRUH adalah keterlibatan dan kesiapsiagaan seluruh warganegara sama ada pihak tentera menghadapi ancaman serta kemampuannya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara. Usaha ini meliputi aspek infrastruktur ketenteraan dan bukan ketenteraan dan juga pembentukan pemikiran, bantuan material, perkhidmatan pengangkutan dan tenaga manusia.

Kertas ini cuba mengaitkan satu dari komponen angkatan iaitu Askar Wataniah. Akta Angkatan Tentera 1972 (AKTA AT 1972) telah memaktubkan fasal penubuhan Angkatan Sukarela (Volunteer Force) bagi tiga cabang perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. Cabang Tentera Darat mempunyai pasukan simpanannya yang dikenali sebagai Askar Wataniah dan ada ketikanya dulu dikenali dengan PSTD (Pasukan Simpanan Tentera Darat). Dalam konteks ini PALAPES dan Rejimen Siri 500 AW dijadikan kes kajiselidik. PALAPES dan Rejimen Siri 500 AW khususnya boleh membantu menyemai bibit semangat patriotik dan perpaduan kaum kerana kita yakin kewujudan semangat bersatu di saat terakhir adalah terlewat untuk membantu kejayaan konsep pertahanan menyeluruh di negara ini (Patriot, 1993 (7) : 9).

Dari segi kordinasinya ternyata angkatan kerangka tidak efektif, malah identitinya dikaitkan dengan matlamat jabatan bukan ketahanan nasional keseluruhannya. Persepsi dan keterlibatan rakyat dalam RELA, dan Pasukan Pertahanan Awam (Civil Defence) masih kabur. RELA lebih banyak dilihat sebagaikan pasukan kawalan keselamatan kampung, manakala Pasukan Pertahanan Awam adalah pasukan bantuan bencana alam kawasan bandar. RELA diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri, manakala Pertahanan Awam mengecilkan statusnya dari sebuah Kementerian kepada sebuah Jabatan. Orang ramai juga gagal melihat

kesatuan 'dasar', unit-unit di bawah Kementerian Dalam Negeri digolongkan sebagai elemen keselamatan dalam negeri, manakala organisasi ketenteraan difahamkan sebagai elemen pertahanan. Pada hakikatnya keselamatan dan pertahanan adalah 'dua dalam satu' dalam konteks HANRUH.

Kurangnya kefahaman terhadap konsep ketahanan nasional dan DPN, bukan sahaja berlaku di kalangan rakyat, malah di kalangan elit di negara (Utusan Malaysia, 13 Nov 1993 : 4). Pelawaan untuk pihak sektor awam dan swasta menyertai kursus di MPAT mulai tahun 1994 membuktikan keterlibatan para elit ini adalah penting kerana bukan sekadar kurang pengetahuan dalam aspek pertahanan dan sebagai satu percubaan melibatkan mereka bagi mencapai keberkesanan DPN, bahkan ini adalah satu dari cara yang boleh mengubah sikap mereka terhadap kepentingan nasional dan mereka menjadi penggerak kepada keterlibatan rakyat dalam angkatan kerangka serta ketahanan nasional.

Paling akhir, Dewan Rakyat diberitahu bahawa kerajaan sedang menimbangkan sama DPN yang sudah dikaji dan dikemaskinikan dibentangkan sebagai satu kertas putih atau sebaliknya (Berita Harian 2 Disember 1993 :4). Kerajaan juga sedar setengah negara sudah mengambil langkah membentangkan DPN masing-masing sebagai kertas putih untuk pengetahuan umum bertujuan membolehkan rakyat mengetahui dasar tersebut serta rasional tindakan kerajaan.

Ketahanan Nasional adalah pra-syarat kepada DPN, ketahanan nasional itu sendiri dibina dari kekuatan beberapa faktor seperti geografi, penduduk, sumber alam, ideologi, politik, ekonomi, sosio-budaya, di samping faktor kekuatan militer. Oleh itu ketahanan nasional merupakan kondisi dinamik sesuatu bangsa yang mengandungi kecekalan dan kegigihan mencapai

cita-cita negara-bangsa, serta kemampuan mengembangkan kekuatan nasional dalam menghadapi segala tentangan, hambatan serta gangguan dari dalam dan luar negara yang membahayakan kelangsungan hidup negara-bangsa itu.

ANCAMAN DAN PERMODENAN

Panglima Angkatan Tentera (PAT) dalam kenyataannya (Berita Harian, 16 Sep 1993 : 14, kol 1-5) menyebut walaupun perang dingin di antara negara barat dan timur sudah tamat, keadaan itu bukan satu jaminan keamanan akan berterusan kerana kebanyakan negara lebih mementingkan hal ekonomi yang kerap menjadi punca konflik. *"Ancaman kepada keselamatan negara juga boleh bertambah pada masa depan dengan cabaran yang mungkin dihadapi di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif negara yang luas serta kaya dengan sumber ekonomi"*.

Sebelum itu PAT menyorotkan kewaspadaan dalam konteks ketahanan negara (Patriot, 1992 (2) : 14 - 15) :

Benteng Pertahanan negara perlu sentiasa bersedia menghadapi setiap bentuk aktiviti yang mungkin tercetus khususnya di kawasan sekitaran sempadan negara. [Kita] perlu lebih peka kepada perkembangan yang sedia ada dan perlu berusaha mempertingkatkan lagi keupayaan dan tahap kesiap-siagaan untuk mengatasi sebarang kemungkinan demi menjaga kedaulatan dan kepentingan negara. Kita tidak seharusnya leka dan terikut-ikut dengan 'sindrom damai' yang boleh menjejaskan taraf kewaspadaan kita. Sebaliknya pula kita perlu menggunakan kesempatan ini untuk meningkatkan keupayaan peperangan konvensional semasa suasana aman ini".

Sesungguhnya sejarah telah membuktikan bahawa apabila sesuatu negara ingin hidup damai, maka ia harus mempersiapkan diri untuk perang. Apabila suatu negara hanya memperhatikan kesejahteraan saja, tetapi mengabaikan kepentingan pertahanan keamanannya, maka negara tersebut mudah dihancurkan oleh suatu negara 'kecil' lain yang sudah siap untuk mengadakan perang. Kesiapan untuk berperang dapat merupakan faktor pencegah (deterrent factor) terhadap usaha perang atau keinginan untuk berperang negara lain (Lemhannas, Kewiraan, 1982 : 222).

Dalam konteks tulisan ini, wawasan yang berkaitan ialah doktrin pertahanan-keamanan yang berteraskan perpaduan serta integrasi antara kerajaan, angkatan tentera dan rakyat. Hal ini sesuai dengan pendekatan 'prosperity - security' dalam konteks pembangunan negara, Menteri Pertahanan (Berita Harian 2 Disember 1993 : 2) menyebut:

"[kita] berbelanja untuk pertahanan bukan bermakna Malaysia mahukan peperangan tetapi mengelakkan kemungkinan tercetusnya konflik ketenteraan".

Oleh itu membina HANRUH seharusnya bermula dengan ketahanan nasional. Ketahanan Nasional itu sendiri menuntut rasa keterlibatan cinta negara dan semangat patriotik setia negara. Persoalannya di sini apakah benar merosotnya penyertaan dalam angkatan tentera kerana semangat patriotik? Atau apakah kerana konsep, sistem dan budaya militer itu sudah serasi dengan perubahan nilai semasa? Apakah faktor yang sama juga menyebabkan pegawai dan anggota sukarela sukar menangguk minat dan semangat untuk terus berkhidmat dalam pasukan masing-masing dan juga faktor yang menyebabkan sukarnya kita mendapatkan anggota baru dalam Wataniah?

PENGURUSAN

Am. Secara umum elemen penting dalam pengurusan ialah perancangan dan kawalan penyusunan dan perturusan, membuat keputusan dan pembentukan dasar. Dalam tulisan ini, tumpuan adalah kepada pengurusan Askar Wataniah iaitu sebagai organisasi yang bertanggungjawab terhadap pembinaan dan penyertaan publik dalam Pasukan Simpanan Tentera Darat satu dari rangkaian utama angkatan kerangka dalam HANRUH. Dalam hal ini aspek perancangan adalah terbukti paling berkesan, namun aspek penyusunan, kawalan dan perturusan masih belum memberikan imek yang berkesan serta pencapaian matlamat melahirkan satu Angkatan Simpanan yang setanding dengan Angkatan Tetap.

Kajian Terdahulu. Dalam tahun 1989 satu kajian ringkas telah diterbitkan bagi menjelaskan permasalahan dalam pengurusan Askar Wataniah (Kassim, 1989 : 1 -12). Satu konsep umum Angkatan Simpanan juga telah dirumuskan:

"Sesuai dengan keperluan DPN, maka konsep Angkatan Simpanan kita telah digariskan. AW adalah satu komponen dari Angkatan Simpanan kita. Objektif AW adalah untuk menyediakan satu angkatan simpanan sukarela yang boleh diatur-garak dan berupaya untuk menjalankan tugas operasi dalam masa yang paling singkat tanpa banyak gangguan terhadap ekonomi dan penghidupan sosial negara. Keberkesanan AW sebagai sebahagian dari komponen Angkatan Simpanan kita adalah amat penting bagi mengukur keupayaan

menyeluruh ATM dalam menghadapi keselamatan dan kepentingan negara".

Setelah proses reorganisasi dilakukan dalam tahun 1980, pasukan-pasukan simpanan sukarela ini masih mewarisi masalah yang sama dari segi pentadbiran, latihan dan kelengkapan.

Dari tahun 1980 sehingga tahun 1989, masalah yang dihadapi masih lagi merupakan masalah warisan dan amat struktur sifatnya di samping masalah sikap dan persepsi terhadap keterlibatan dalam Wataniah. Konsep HANRUH yang membabitkan angkatan kerangka khususnya Askar Wataniah adalah satu yang agak 'asing', kerana organisasi Askar Wataniah di peringkat tempatan masih lagi dalam kemelut asas yang perlu diselesaikan sebelum HANRUH itu dihayati oleh rakyat untuk menyertai pasukan simpanan sukarela.

HANRUH itu sendiri dapatlah dikatakan sebagai bukan urusan negara tetapi urusan elit militer. Tiada penglibatan serius elit politik dan birokrat. Namun begitu ternyata elit militer sendiri mempunyai persepsi yang berbeza terhadap organisasi Askar Wataniah. AW mendapat keutamaan yang rendah dari segi perancangan dan peruntukkan logistik. Tiada perhatian serius terhadap kemudahan latihan serta pentadbiran. Keberkesanan pengurusan Askar Wataniah biasanya wujud apabila dua komponen utama pegawai dan staf tetap dan pegawai dan anggota sukarela mempunyai hubungan yang akrab. Keakraban inilah yang melahirkan tingkat keterlibatan yang tinggi dalam pasukan. Bolehkah kedua-dua komponen ini bergabung kesamaan matlamat dalam mempertingkatkan keberkesanan pengurusan Askar Wataniah.

Walau apa jua jawapan yang akan diberikan seperti 'ketiadaan belanjawan', perubahan 'priority', halangan dari elit birokrat atau ketiadaan 'political will' di pihak Kerajaan, ternyata perancangan penyusunan semula pasukan simpanan sukarela menghadapi beberapa 'rintangan', gencatan dan tempo kelajuan pembangunan yang tersekat-sekat dan tidak menentu. Bagaimanapun beberapa perancangan reorganisasi telah dilaksanakan iaitu dari PSTD telah berkembang maju dengan ujudnya elemen-elemen Tempur seperti Pasukan Simpanan Tempur, Statik, Bantuan Pakar, Pasukan Simpanan Bantuan Tempur dan Sekolah Latihan.

KEMAJUAN ATAU KEMEROSOTAN

Dari segi organisasi, pencapaian matlamatnya hampir disempurnakan. walaupun berlaku perubahan dan tersekat-sekat di sana sini. Jika semuanya berjalan baik, kekuatan pasukan simpanan di negara kita sudah pasti akan sampai ke taraf sebuah Kor, iaitu atas dasar nisbah 1 : 1. Bagaimanapun masalah besar yang kita hadapi ialah dari segi penyertaan rakyat dalam pasukan simpanan adalah amat minimum sekali. Jumlah kekuatan pegawai dan anggota khususnya dalam pasukan simpanan statik tidak seperti yang diharapkan. Malah adalah satu lumrah, jumlah kekuatan di kertas tidak sama dengan kekuatan sebenar pada masa latihan. Agak mendukacitakan juga ialah kita telah mentauliahkan beribu pegawai dari PALAPES sejak tahun 1982, tetapi jumlah yang aktif tidak seperti yang dijangkakan.

Mengapakah berlakunya kemerosotan penglibatan dalam AW? Dapatkah organisasi yang kekurangan anggota dan pegawai merealisasikan HANRUH dalam konteks Dasar Pertahanan Negara?

Persoalan yang timbul ini memerlukan jawapan yang realistik. Oleh itu HANRUH akan hanya dapat disempurnakan jika kita semua dapat memperbaiki masalah pengurusan Askar Wataniah dalam konteks pembinaan semangat patriotik dikalangan generasi muda, seterusnya mendalami pengurusan AW dalam aspek pentadbiran, latihan dan kelengkapan. Kita mungkin dapat menyediakan organisasi yang lengkap dari segi struktur dan hiraknya, tetapi struktur organisasi itu adalah pengurusan pada peringkat perancangan. Kita perlu meneliti aspek penyusunan (organising), kawalan dan kordinasi, serta perturusan. Jika kesemua ini dapat kita sempurnakan, barulah kita dapat menilai keberkesanan pengurusan organisasi AW di semua peringkat.

Hanya dengan organisasi yang berkesan dan kordinasi dengan semua jaringan 'kuasa' yang terlibat dalam ketahanan nasional barulah DPN atau HANRUH itu dapat direalisasikan dalam minda, jiwa dan fizikal rakyat.

PENYATAAN MASALAH

Persoalannya sesudah kita lupakan nisbah 1 : 3, kini masuk ke era 1 : 1 mampukah kita mengerah kekuatan rakyat untuk menyertai dan meneruskan khidmat dalam pasukan simpanan. Dalam keadaan masyarakat yang kian materialistik dan masuk ke ambang masyarakat industri yang biasanya melahirkan suatu keadaan yang anomi - iaitu matlamat yang diharapkan dan norma yang menguasai pencapaian tidak 'compatible'. Dapatkah kita gerakkan kesedaran rakyat terhadap tanggungjawab mempertahankan negara? Apakah ketika itu kita terpaksa menggunakan 'askar upahan', kerana rakyatnya sudah tidak mahu bersusah-payah dan rakyat meletakkan sepenuhnya tanggungjawab kepada kerajaan?

Persoalan **keduanya** ialah dapatkah dalam keadaan dalam pasukan simpanan yang serba kekurangan dari aspek infrastruktur dan kelengkapan mengujudkan suasana yang membangkitkan 'semangat' pegawai dan anggota yang terlibat dalam AW dan memberi rangsangan yang tinggi.

Persoalan **ketiga** ialah tentang latihan. Apakah yang dijalankan dalam unit-unit pasukan simpanan sekarang berdayatahan dan berkemampuan menyiapkan diri sebagai anggota atau pegawai yang sama kualitinya dengan anggota dan pegawai tetap.

Persoalan **keempat**, apakah silibus yang disediakan perlu dikaji semula, kaedah pengajaran disesuaikan dengan tingkat akademik anggota yang rata-ratanya lulusan tingkatan tiga dan tingkatan lima sekurang-kurangnya? Dalam konteks yang sama apakah jurulatih perlu 'dilatih semula' dan kaedah pengajaran dikemaskini sesuai dengan peredaran zaman.

Persoalan **kelima**, apakah perlu diwujudkan kesedaran 'ketahanan nasional' dan pembinaan semangat patriotik di peringkat persekolahan, sebagai jawapan kepada pertumbuhan minat untuk menyertai askar wataniah? atau hanya cukup jika Jemaah Menteri membuat keputusan mewajibkan majikan melepaskan stafnya untuk latihan wataniah tanpa sebarang prejudis? atau apakah perlu ada insentif lain guna menarik lebih ramai rakyat terlibat dalam usaha bina-negara melalui AW.

Persoalan **keenam**, tidak ramai pegawai kadet PALAPES yang mahu berkhidmat di bawah sekim graduan? Apakah ianya disebabkan kurang maklumat, promosi pengambilannya tidak agresif, sekim pegawai graduan yang tidak mengiktiraf latihan PALAPES, atau sekim Pegawai Angkatan Tentera yang tidak menarik jika dibandingkan pembangunan kerjaya di sektor awam lain dan sektor swasta?.

Persoalan **ketujuh**, apakah pasukan simpanan menjadi sumber mendapatkan pegawai tetap dan anggota tetap sebagai respon kepada kedinginan generasi muda untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera?. Dapatkah peningkatan taraf kelayakan untuk menjadi anggota (SPM) dan pegawai (ijazah) [Utusan Malaysia 17 September 1993 :21] menjadi titik permulaan era baru Angkatan Tentera tanpa perubahan dari segi struktur, sistem dan proses pegurusannya.

Persoalan **akhir** ialah bagaimana dapat memberi 'wajah' baru kepada Askar Wataniah melalui komitmen bersepadu elit militer, elit birokrat dan elit politik dalam 'qui pro-qua' - perkecilkan saiz dan memodenkan teknologi angkatan tetap sambil lebih rumit dan teknologi yang kian canggih?.

Kesemua persoalan di atas dapat kita rumuskan sebagai permasalahan dari segi konsep pembinaan semangat patriotik, pentadbiran, latihan dan kelengkapan dan peralatan.

(Bersambung sila lihat muka surat 79)

"Penglibatan semua tenaga negara untuk mempertahankan kedaulatan adalah tanggungjawab bersama rakyat Malaysia. Askar Wataniah sebagai salah satu Komponen Tentera Darat adalah Wahana untuk rakyat menyumbang bakti secara sukarela terhadap persediaan pertahanan negara".

YB Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
Menteri Pertahanan

(Bersambung dari muka surat 9)

PENEMUAN KAJIAN 1 : PEGAWAI KADET PALAPES

Dalam pertemuan dengan wakil-wakil Pegawai Kadet PALAPES semua pusat pengajian tinggi di UKM dalam bulan Jun 1993, usaha telah dilakukan untuk melihat faktor yang menyebabkan tidak ramai pegawai kadet PALAPES yang berminat menyertai Angkatan Tetap. Di antara faktor yang telah dikenal pasti termasuklah:

- * Faktor kurangnya sebaran maklumat tentang usaha untuk menarik pegawai kadet yang telah ditauliahkan untuk berkhidmat dalam Angkatan Tetap.
- * Tidak ada maklumat yang jelas tentang sekim graduan.
- * Pegawai Kadet PALAPES mendapati terdapat persamaan latihan dalam sekim graduan dan PALAPES, oleh itu wujud perulangan bagi pegawai kadet yang menyertai sekim graduan.
- * Sekim perkhidmatan Angkatan Tentera untuk graduan tidak begitu menarik, ditambah pula dengan peluang kerja yang baik di luar Angkatan Tentera.
- * Semangat 'kebendaan' mengatasi semangat patriotik yang menyebabkan kerjaya dalam Angkatan Tentera diletakkan sebagai pilihan terakhir.

PENEMUAN KAJIAN 11 : PEGAWAI SUKARELA DALAM PERKHIDMATAN

Dalam penelitian kami, didapati 70% pegawai sukarela yang masih aktif meneruskan latihan kerana mempunyai kesedaran yang tinggi

terdapat usaha mempersiapkan diri untuk mempertahankan negara. Mereka ini percaya bahawa penglibatan diri dalam Askar Wataniah kerana berminat dengan disiplin dan imej ketenteraan dan 30% kerana keistimewaan yang diperolehi melalui penyertaan dalam Askar Wataniah. Enam puluh peratus daripada responden percaya penglibatan dalam Wataniah ini membantu mempertingkatkan status mereka dalam masyarakat, untuk mereka ini uniform tentera adalah asas keyakinan untuk terus berkhidmat.

Pada umumnya ilmu ketenteraan dan latihan kepimpinan dorongan untuk mereka terus berkhidmat, 90% responden percaya Askar Wataniah membolehkan mereka bergaul lebih luas dan 70% menjadikan kegiatan Askar Wataniah sebagai memenuhi waktu lapang.

Mengenal identiti Askar Wataniah dikekalkan 80% mahukan Askar Wataniah diperbesarkan, bagaimanapun hanya 50% yang berpendapat status AW setaraf dengan angkatan tetap, dan pada umumnya 70% menganggap AW adalah Rejimen kelas dua.

Dari segi pentadbiran responden yang terdiri dari pegawai Sukarela, 60% daripada mereka berpendapat AW hendaklah ditadbirkan oleh pegawai-pegawai yang ditauliahkan dalam AW.

Penilaian pegawai sukarela ini dapat dilihat dari ketentuan pihak yang bertanggungjawab mengrekrut anggota baru, 70% dari responden mahukan pegawai tetap diberikan tanggungjawab membuat promosi dan pengambilan. Bagaimanapun 50% mengakui bahawa mereka kurang jelas tentang bidang tugas mereka dalam pembangunan AW. Malah 60% menyatakan mereka tidak pernah dirundingi oleh pegawai atasan tentang usaha memaju dan membangunkan AW, ini disebabkan oleh semua keputusan dibuat oleh pihak atasan.

Pada umumnya hubungan antara pegawai sukarela dan tetap adalah lemah, kira-kira 30% daripada responden bersetuju adanya hubungan yang memuaskan antara mereka dengan pegawai tetap. Oleh kerana hubungan tidak begitu memuaskan, ini menyebabkan hanya 30% yang sentiasa mendapat maklumat tentang AW. Ini membuktikan tidak berlaku kekerapan berinteraksi antara kedua golongan, dan 70% responden tidak pernah membaca buletin atau 'newsletter' terbitan Bahagian Pasukan Simpanan.

Dari empat faktor hilang minat untuk pegawai sukarela untuk meneruskan perkhidmatan kerana:

- * Masalah peribadi - 70%
- * Hubungan dengan pegawai tetap - 70%
- * Hubungan dengan atasan - 50%
- * Kurang insentif - 50%

Selain dari faktor di atas, 80% daripada responden berpendapat bahawa peralatan dan kelengkapan pentadbiran unit amat daif dan tidak memuaskan. Kesemua ini telah memberi sumbangan kepada merosotnya penglibatan orang awam dalam AW.

LATIHAN

Berhubung dengan aspek latihan, responden telah ditanya mengenai jurulatih, penjadualan, minat dan bentuk latihan. Lima puluh peratus bersetuju jumlah jurulatih di unit mereka adalah mencukupi.

Tujuh puluh peratus dari responden mendapati kekerapan anggota AW menghadiri latihan adalah tidak memuaskan, akibatnya jadual

latihan tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Dari perbincangan yang telah diadakan membuktikan hampir 80% responden bersetuju bahawa jurulatih terpaksa mengalihkan tugas anggota AW apabila terdapat kehadiran yang sedikit.

PERALATAN DAN SILIBUS

Responden juga membuat penilaian terhadap peralatan latihan, dan silibus dari segi kandungan dan kesesuaian teknik pengajaran.

Dari kajiselidik yang dibuat, sikap jurulatih, peralatan, sikap anggota AW telah menyebabkan latihan yang dirancang dan dilaksanakan didapati tidak dapat melengkapkan diri anggota AW sebagai anggota tentera yang terlatih setanding dengan Anggota Tetap.

PENGIKTIRAFAN DAN KEPUASAN

Dari kemerosotan imej AW ternyata pada pendapat responden, 80% dari mereka mendapati masyarakat tidak memberikan pengiktirafan terhadap penglibatan dalam AW, keseluruhan responden amat bersetuju bahawa kerajaan sendiri tidak serius menggalakkan orang ramai menyertai AW. Dalam kes mereka yang menyertai AW, 60% responden berpendapat ketua jabatan tidak begitu berminat memberi pelepasan dan sokongan menyertai latihan AW.

Semua responden mengharapkan pihak atasan mengadakan penerapan tentang perancangan dan prospek dalam AW bagi mengekalkan paras penyertaan pegawai dan anggota yang sedang berkhidmat pada masa kini. Sembilan puluh peratus daripada mereka yang bersetuju AW diperbesarkan kekuatan hingga ke peringkat Kor. Pegawai sukarela ini juga yakin AW mampu menjadi sumber tenaga untuk angkatan tetap pada masa akan datang. Oleh itu satu kempen besar-besaran untuk generasi muda menyertai AW perlu dimulakan.

PENEMUAN KAJIAN 111: PEGAWAI KADET PALAPES YANG TIDAK AKTIF

Dalam kajiselidik dan wawancara tidak berstruktur beberapa penemuan ijmak telah diperolehi, ini termasuklah:

- * Hilang minat untuk meneruskan perkhidmatan akibat dari sistem pengurusan pasukan dan proses pertukaran dan lapor diri di pasukan masing-masing.
- * Sikap tidak bertanggungjawab Pegawai Kadet yang menggunakan PALAPES sebagai alat untuk mendapat kemudahan dan faedah jangka pendek dalam mengikuti program ko-kurikulum di pusat pengajian masing-masing. Oleh itu graduan jenis ini melihat tidak ada kolerasi antara PALAPES sebagai kegiatan ko-kurikulum dengan penyediaan semangat kesukarelaan (volunteerism) dan rasa cinta negara.
- * Kebanyakan graduan wanita gagal melapor diri berikutan dari perkahwinan dan masalah peribadi dan juga keluarga.
- * Graduan yang menyertai pasukan beruniform dan penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam dan Eksais Diraja, Imigresen, Bomba dan JPJ serta BPR dan juga yang menyertai perkhidmatan Bank dan Firma ikhtisas dan perniagaan tidak dapat menghadiri latihan kerana bentuk tugas dan masa bertugas.
- * Graduan yang baru mendapat pekerjaan, berpendapat prestasi tugas dalam jawatan rasminya lebih penting,

oleh itu sikap ketua jabatan atau majikan menjadi indikator utama untuk mereka sama ada mereka mahu aktif, tidak aktif atau 'bersara tanpa notis' dari AW.

- * Kebanyakan graduan yang melapor diri merasa kekok atau kaku serta tidak faham akan tugas dan tanggungjawab dan peranan serta kurang inisiatif dalam berkomunikasi menyebabkan sebahagiannya merasakan dirinya sebagai 'orang asing' dalam atau pasukannya.
- * Umumnya graduan yang telah ditauliahkan gagal melapor diri atau tidak aktif kerana kurangnya semangat patriotik 'siap-siaga bela negara' dan juga perubahan sosio-ekonomi yang telah menghakis semangat 'volunteerism'.
- * Halangan psikologi yang lain ialah ketabahan sifat orang awam mengatasi sifat dan sikap kepegawaian tentera, kurang penghayatan adat resam tentera menyebabkan pegawai muda lepasan PALAPES mudah merasa rendah diri dan enggan menyertai latihan sebagai satu pelarian dalam kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang diambil adalah seperti berikut:

- * Dari segi perancangan organisasinya ternyata ada kesungguhan dipihak atasan dalam merancang masa depan AW - Pegawai Sukarela telahpun mengetahui proses pembesaran formasi AW dari peringkat Rejimen, ke Briged dan juga Divisyen. Namun demikian, dari segi keanggotaan dan kepegawaiannya,

belum sampai tahap yang dijangkakan. Kemudahan latihan dan bantuan perkhidmatan masih belum banyak berubah.

* Keadaan negara yang maju, tiada darurat, tiada konfrontasi dan 'aman' mengakibatkan rakyat tidak mahu mendengar 'keselamatan negara terancam' kerana mereka sedang menikmati 'kebendaan'. Ketua-ketua Jabatan juga tidak ramai yang sudi untuk turut serta menggalakkan staf berkecimpung dalam AW. Suasana anomi bukan sahaja mengancam keterlibatan generasi muda dalam AW, malah turut menghakis idealisme 'kesukarelaan' berbakti kepada bangsa melalui organisasi sukarela dan kebajikan yang lainnya. Oleh itu berdepan persoalan mencari resolusi yang serasi dengan 'kebangkitan zaman materialisme' ini.

* Pada keseluruhan di dapati pengurusan Askar Wataniah pada masa ini masih memerlukan usaha untuk perbaikan dalam aspek Gerak, Tadbir dan Logistik bagi mempertingkatkan kedayaan dan kemampuannya dalam merealisasikan HANRUH. Untuk itu beberapa cadangan dikemukakan untuk renungan bersama.

CADANGAN

Langkah-langkah berikut disyorkan perlu diambil:

Maklumat

* Penerbitan brosur tentang sekim perkhidmatan Pegawai Graduan dalam Angkatan Tentera dilakukan bagi tujuan pendedahan terhadap sekim tersebut di kalangan pelajar pusat pengajian tinggi.

* Sekim perkhidmatan bagi pegawai graduan harus lebih 'memikat' untuk menarik minat bakal-bakal pegawai tersebut. Ini bererti Kementerian wajar mengkaji semula semua sekim perkhidmatannya untuk diubah-suai dalam situasi dan kondisi yang berubah ini.

Program Patriotik Bersepadu

* Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan serta agensi pembangunan pendidikan lain bersepadu mengambil langkah bersepadu bagi membina, membentuk dan mengembangkan semangat patriotik di sekolah dan institusi pendidikan.

* Langkah awal menanamkan semangat patriotik boleh dilakukan dalam bentuk kegiatan ko-kurikulum.

* Penubuhan unit beruniform di sekolah rendah dinamakan Unit Tunas Negara dengan menggunakan uniform sekolah dengan pindaan uniform mengandungi appolet mudah-alih dan menganugerahkan lencana asas, lencana cinta negara, lencana gagah berani, lencana kemahiran manipulatif.

* Di peringkat sekolah menengah semua pelajar wajib menyertai kegiatan beruniform yang dinamakan Unit Patriot Negara (UPN), kecuali mereka yang menyertai badan beruniform lain seperti Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM), Kadet Polis, Bomba, Bulan Sabit Merah, Pengakap dan lain-lain. Silibus UPN adalah kemahiran kepimpinan, projek perpaduan masyarakat, serta dianugerah lencana besi untuk ketangkasan, ketahanan mental dan fizikal dan lencana kemahiran hidup.

* PKBM diinstitusikan di semua sekolah menengah dan diberi imej dan nama baru iaitu Pasukan Kadet Setia Negara (PKSN). Organisasi serta silabus pasukan ini juga dikaji semula bagi menyesuaikan dengan objektif setia negara dan kemahiran yang boleh mendorong minat untuk meneruskan perkhidmatan dalam angkatan tentera, memasuki PALAPES jika melanjutkan pelajaran ke Universiti tempatan, atau memasuki Wataniah jika melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan lain atau bekerja.

* Di peringkat universiti, bagi kegiatan ko-kurikulum diwujudkan pasukan Kor Setia Negara bagi mereka yang tidak menyertai PALAPES dan pasukan beruniform lain. Kor Setia Negara dipecahkan kepada unit-unit kepakaran Perkhidmatan Masyarakat - Bomba, Pertolongan Cemas dan bantuan bencana alam; Perkhidmatan Sukan-Padang, gelanggang dan olahraga; Perkhidmatan Seni-Budaya - Brass Band, Muzik Kebangsaan dan pengurusan pelancong; dan Perkhidmatan - Kelas bimbingan pembangunan perpustakaan, kesedaran masyarakat. Kor ini mempunyai silabus yang mengandungi latihan fizikal, kepimpinan, terapan jiwa patriotik, di samping kemahiran bidang perkhidmatan pilihan masing-masing.

Pengukuhan Identiti

* Kementerian Pertahanan mungkin boleh memastikan identiti pasukan simpanan sukarela dikenali sebagai Askar Wataniah. Jika siri 100 dan 300 dikenali sebagai Rejimen Tempur Wataniah, Siri 500 Rejimen Setia Wataniah, manakala kor dan pasukan lain dikenali mengikut kor masing-masing seperti Rejimen Semboyan Wataniah, Kor JLJ Wataniah dan sebagainya.

* Membuat Promosi HANRUH dan kebertanggungjawaban Rakyat. Konsep Hanruh diperkenalkan kepada rakyat melalui iklan media massa seperti mana kehebatan kempen 'setia bersama rakyat' kini boleh diubah kepada 'setia untuk negara' dengan penglibatan dalam Askar Wataniah disiarkan sebagai objektif utamanya. Filem-filem dokumentari tentang Askar Wataniah disiarkan sebelum atau selepas Berita Perdana. Manakala promosi melalui Radio dan TV dibuat menerusi 'sedutan filem' khas, lagu tema dan juga ruang 'Bina Negara' di TV.

* HANRUH menjadi satu dari subjek dalam PALAPES dan pasukan dalam AW.

* Kempen 'Siap-siaga Bela Negara' secara besaran di seluruh negara diadakan melalui satu majlis pelancaran di peringkat kebangsaan dengan mengadakan pertunjukan khas:

* Perbarisan Raksasa Angkatan Simpanan Sukarela.

* Pameran 'Berbakti dan Berbudi Kepada Negara'.

* Penerangan khas kepada jabatan kerajaan, sekolah dan generasi muda.

Sekim Galakan dan Penguatkuasaan Undang-Undang

* Kabinet meluluskan satu sekim galakan bagi kakitangan kerajaan yang menyertai AW dalam bentuk undang-undang atau peraturan yang membolehkan:

* Ketua jabatan melepaskan stafnya menjalani latihan hujung minggu, latihan

lanjutan dan latihan tahunan tanpa memberikan kesan negatif kepada penilaian prestasi dan peluang kenaikan pangkat staf berkenaan.

* Peraturan cuti khas bagi tujuan latihan Askar Wataniah dinyatakan secara terperinci dalam pekeliling JPA bagi mengelakkan pelbagai tafsiran oleh ketua jabatan.

* Ketua-ketua jabatan dikerah untuk menghadiri kursus dan taklimat khas mengenai HANRUH dan tanggungjawab mereka menggalakkan staf mereka menganggotai AW.

Latihan Mobilisasi

* Kumpulan Kadet tahun akhir PALAPES mengadakan latihan medan secara bergabung bagi mengkaji-banding tahap pencapaian dan keberkesanan latihan selama ini.

* Seluruh kekuatan AW menjalani latihan 'mobilisasi' setiap tiga tahun sekali sebagai latihan melazimkan operasi gerak-atur sebagai latihan menghadapi pelbagai kemungkinan darurat dan sebagainya. 'Exercise Kerengga' yang pernah dilakukan sebelum ini adalah satu usaha yang baik tetapi tidak diteruskan.

PENUTUP

Semoga dengan perbincangan kertas ini, semua pihak sedikit sebanyak telah dapat mengenalpasti perkara yang perlu di beri perhatian dan penumpuan tindakan untuk mendapatkan satu wawasan yang berkesan.

Rujukan:

1. Lt Kol Kassim bin Abdul Kadir (April 1989). 'Rejimen Askar Wataniah - Kemana Arah Tujuannya'. Sorotan Darat, Jil. 2, Bil. 15, hal 2-13.
2. Jabatanarah Askar Wataniah (1980). Laporan Seminar Askar Wataniah 1979, Johor Bahru.
3. Lemhannas (1982). Kewiraan Untuk Mahasiswa. Jakarta: PT Gramedia.



Lt Kol Prof Madya Dr Ahmad Fawzi bin Mohd Basri adalah Timbalan Komandan PALAPES UUM. Berasal dari Perak Darul Ridzuan dan mempunyai kelulusan akademik di peringkat Ijazah MA dari Universiti Malaya pada tahun 1983 dan PhD dari University of Hull England dalam tahun 1992. Beliau telah mula melibatkan diri sebagai rekrut LDC Selangor pada tahun 1975 dan ditauliahkan pada 27 Sep 79. Pada 1 Jan 86 beliau dinaikkan pangkat ke- Lt Kol dalam jawatan Timbalan Komandan. Di UUM beliau berkhidmat sebagai Dekan Sekolah Pembangunan Sosial.

Artikel ini adalah dari kertas kerja yang dipersembahkan di satu seminar Askar Wataniah di UUM. Fakta kaji selidik yang terperinci tidak diterbitkan bersama artikel ini.



"ENHANCEMENT OF LINKAGES IN A CHANGING SECURITY CONTEXT: MINISTERIAL PERSPECTIVE"

*YB Dato Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
Minister of Defence*

This article is an extract from the Defence Minister's talking points during the 5th Defence Services Asia exhibition and conference in Kuala Lumpur, 1996.

"Enhancement of linkages in a changing security context". My approach is to directly look at the essential fundamentals of the requirement i.e the **"whats"**, **"whys"**, **"wheres"** and the **"hows"** of the problem.

THE "WHATS"

To begin with, there are two basic questions of the **"whats"** which we must first be clear about. First, what do we mean by **"Linkages"**? And secondly, what is the international environment that is relevant towards the enhancement of this **"Linkages"**.

The term **"Linkage"** is often used to describe the relationship between foreign policy and domestic politics, and to denote the ties between a particular (small) state and a given system of relations among the large powers as explained by Charles Morrison and Astri Suhrke in their book **"Strategies of Survival"** (Quoting J N Rosenau). For the purpose of this discussion we shall use the term **"Linkages"** to mean the ties (and cooperation) between states and existing international system

The next important imperative central to the discussion is, what are the changes that have taken place in the region in the **"Security**

Context" and how can these changes affect the linkages? This must first be addressed realistically because it will determine the forms and kinds of **"Enhancements"** that can be carried out.

The end of the cold war has brought about an end to great power confrontation in the region but it has also brought about new complexities. Despite its diverse political, economic and socio-cultural dispositions, Pacific Asia can be described as a relatively coherent security region. The question now is in the changing security context, clouded by the many political uncertainties and compounded by the reemergence of old intra-regional contentious issues, what can the countries in the region do to enhance their linkages. Foremost among the military security concern in the region today, is the potential tensions that can arise from the situation in the Korean Peninsula, the Taiwan straits and the South China Sea. If not managed effectively, the problem can translate into instabilities.

On the other hand on the non-military level, there are issues in the maritime sector which can turn into irritants between the littoral states and the parties involved, related to the following concerns:

- * **Issues of Pollution**
- * **Incidents of Illegal Desludging**
- * **Oil Spillage**
- * **Piracy and Terrorism**
- * **Spillage Through Collisions and Navigational Mishaps** have increased over the past few years, creating anxiety as well as threatening marine life. If left unchecked, these issues may lead to tension among countries.
- * **Questions of Nuclear Proliferation.** Today, more countries in the region have acquired nuclear bombs or are getting close to building them. The windows of vulnerability and the list of potential tension areas seems to widen and increase in scope.
- * **"Phantom Ships".** Apart from piracy, a new phenomenon known as "Phantom Ships" is also causing concern in the region. Ships using fake documentation are now hijacking cargoes from ports across East Asia. Law enforcement agencies had been unable to stop the menace, other than to appeal to countries where ships were registered falsely to take action. If these incidents are not monitored closely, trading activities in the region will be seriously affected.

From the list of issues as outlined, there is more than sufficient reasons for countries in the region to maintain and further enhance their security linkages. For so long as there is the risk

of a military conflict, it is vital that the parties in conflict maintain a communication line for negotiation and dialogue.

As for the non-military security issues, it is important that there should be mutual concern to oversee the enhancement of linkages because the related issues are usually over matters of common good or of some shared interests.

THE "WHYS"

The very primary reason as to **why** there should be Linkages enhancement is to achieve peace and stability for the common good. Enhancing linkages also provides the following:

- * Opportunities and basis for the building up of regional resilience.
- * To establish a buffer against extra regional enemies.
- * To secure psychological support and confidence.
- * Linkages, especially cooperative, is needed to breakdown the barriers of mistrust and misunderstanding and to promote transparency of intention.
- * With the advance in technology, enhancing linkages provides cost sharing opportunities therefore reduce costs of defence which would necessitate pooling of resources, sharing of resources, and greater cooperation.
- * The need to stabilize the region in order we can effectively secure and preserve the protection of off-shore facilities, fishing zones and gas, oil, mineral deposits for the general good.

THE "WHERE'S"

The **where** here refers to the dimension. In this regard I find Australia's Air Marshal Gratton's categorization on dimension of cooperation fits in well. According to him there are three important dimensions, which are not necessarily exclusive to cooperation;

- * **Personal Dimension** which encompasses the need for dialogue at all levels which in turn will increase mutual trust and understanding.
- * **Intellectual Dimension** which provides the visibility of reasoning behind capital equipment acquisitions and specific policies.
- * **Communication Dimension**, underpin the first two, in terms of visibility, trust and understanding.

THE "HOWS"

How then do we see the enhancement of security in the region? There has been several approaches on the issue as already propagated by both politicians and students of international politics. The possible approaches are:

- * One approach is that regional countries must strive to achieve national resilience. In other words countries must continue to invest in defence to ensure peace and stability, which in turn will ensure a climate conducive to economic development and the uplifting of the quality of lives for the purpose of war.
- * Another approach is to adopt the spider-web concept where each foster closer relations with its neighbours and

in the process it will create a multiplicity of bilateral relations, which will enhance mutual and regional understanding giving added strength to the overall security networking. In this regard economy and security are inevitably intertwined for the sake of shared values and interests. It thus becomes a collective responsibility. Consider the concepts of growth triangle, the JCC, SOM etc.

- * Thirdly, the rapidly changing Pacific Asean security environment also brings about an even more pressing need for countries in this region to continually seek high level security dialogues and institute multilateral confidence building mechanism. This will foster greater regional understanding and consensus regarding respective national defence policies. This building of intellectual bridges between key defence policy formulators is imperative in fostering regional cohesion and unity and enhancing regional and national security. These bridges also help to establish a rapport between personalities and organizations which underscores the exploration of possible regional cooperation in the sectors of defence policy, defence industry and defence procurement.

Multilateral security dialogues such as those initiated at DSA can play a positive role in the process of identifying and defining potential problems. These dialogue can also act as a safety valve to air regional grievances in the context of legitimate security concerns. We must continue to seek dialogues in this manner to bolster a new era of confidence building measures, closer

bilateral relations and more flexible and pragmatic arrangements between and among our strategic Pacific Asean neighbours.

The forms of international linkages which we devise must be flexible enough to accommodate the resulting stresses. It is my view that any plan to enhance security in the changing Pacific Asia security context should also focus on the following:

* **Development of science and technology base** to train people capable of intensive application of their intellects in science & technology (S&T) research and development needed to produce the necessary weapon systems for our defence needs.

* **Creation of a corpus of laws and regulations** based on regional consensus and regionally enforceable to decide on cases of conflict of an economic nature.

* **Development of political institutions** in individual Asian-Pacific states must have relevance to and based on the people's historical and cultural traditions and their intellectual and spiritual values.

* **The establishment of a regional security council** which has certain binding political and legal authority to deal with issues such as intra-regional territorial disputes, economic and trade problems, immigration, and exploitation and sharing of regional resources.

* **Interactions of non-governmental organizations.** NGOS are private bodies primarily concerned with environment and environment-related political, social and economic issues. Environment and ecology are important not only for ensuring the quality of life on our planet. The issues from environmental deterioration tend to create problems that transcend national borders and become regional security issues which could turn into a source of regional tension and instability. Although they are pressure groups, their starting points are good and their studies and findings could be useful for formulating regional industrial and development policies.

* **Bilateral and multilateral seminars and congresses on security and economic issues.** The private and semi-official think-tanks of the Asian states, Japan and China have held quite regular meeting of this nature for some years. The papers presented at these meetings are generally based on in-depth research and the data and ideas presented have a certain level of credibility. They generally form a valuable input on perception of regional security issues and a rich store of information on the economic trends and potential of the region. But unfortunately, most of these meetings are confined to mere talks with hardly any follow-up actions on the recommendations made. This is largely due to the rivalry between think tanks and the bureaucrats of government departments, who generally suspect that the former are seeking to usurp their functions and powers. Coordination is thus important to ensure the effective contribution of think tanks to government policy formulation.

Persoalannya sekarang ialah adakah mampu anggota-anggota JLJ yang dilatih dalam suasana dan corak ketenteraan mencapai tahap ketrampilan yang di tetapkan di peringkat kebangsaan? Selain itu, adakah sistem latihan teknikal Kor JLJ khususnya untuk anggota LLP sekarang bersesuaian dan selaras dengan sistem latihan yang ditetapkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang merupakan agensi yang merumuskan piawaian kepakaran pekerja teknikal negara? Walaupun pun jawapan kepada kemusyikilan ini, Kor JLJ sebenarnya mempunyai tanggungjawab untuk menentukan bahawa setiap anggotanya mendapat tahap latihan yang terbaik dan diiktiraf agar kepakaran yang mereka perolehi semasa dalam perkhidmatan boleh terus digunakan untuk membangunkan negara.

TUJUAN

Rencana ini bertujuan untuk membentangkan pelaksanaan sistem latihan teknikal JLJ ke dalam sistem latihan vokasional negara.

SISTEM LATIHAN SEMASA KOR JLJ

FALSAFAH LATIHAN KOR JLJ

Pelaksanaan latihan bagi anggota-anggota JLJ adalah berdasarkan kepada falsafah latihan Kor JLJ yang sedia termaktub seperti berikut:


Latihan ketukangan Kor JLJ adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi anggota JLJ dalam bidang kemahiran kejuruteraan mekanikal dan elektrik bermula dari latihan asas hingga keperingkat yang tertinggi yang dapat memenuhi keperluan TD serta diiktiraf oleh kerajaan. Usaha ini adalah bagi membentuk anggota JLJ yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi serta daya pemikiran yang inovatif dan kreatif bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab Kor JLJ dengan cekap dan berkesan.

Selaras dengan falsafah latihan tersebut, matlamat Kor JLJ dalam aspek latihan teknikal sebenarnya adalah untuk melahirkan individu yang berkemahiran tinggi yang mampu menangani peralatan yang berteknologi canggih. Dalam aspek pengiktirafan pula, falsafah latihan ini memberi gambaran bahawa harapan Kor JLJ adalah supaya setiap anggotanya yang terlatih diberi pengiktirafan bukan sahaja di peringkat MLVK atau industri, tetapi juga di peringkat yang lebih tinggi seperti politeknik dan universiti.


KONSEP LATIHAN TEKNIKAL ANGGOTA-ANGGOTA LLP KOR JLJ SEKARANG

Sistem latihan teknikal Kor JLJ sekarang dirangka berasaskan kepada keperluan Laporan Jawatankuasa Kabinet (CCR) yang menjadi asas kepada pelaksanaan skim gaji mengikut banci bagi anggota LLP Angkatan Tentera. Laporan ini menetapkan jenis-jenis kursus ketukangan yang perlu dihadiri oleh anggota Kor JLJ bagi kedua-dua peringkat mekanik dan juruteknik. Perkara dasar yang diberi penekanan dalam laporan ini ialah tempoh jangkamasa sesuatu kursus dan matapelajaran yang perlu. Struktur latihan teknikal bagi anggota-anggota LLP Kor JLJ sekarang adalah seperti berikut:

* Untuk Tred Mekanik Kereta/Letrik.




* Untuk Tred Tukang Logam, Jurugegas dan Amra




Catatan : Mek - Mekanik Kls - Kelas Kej - Kejuruteraan

* **Untuk Tred Elektronik dan instrument.**




* **Untuk Tred Tukang Kayu, Tukang Jahit dan kembalik**



Kandungan latihan teknikal Kor JLJ secara dasarnya merangkumi 2 kategori matapelajaran iaitu akademik dan ketukangan. Mata pelajaran akademik meliputi matematik, sains kejuruteraan, lukisan teknik dan teknologi woksyop sementara matapelajaran ketukangan merangkumi pembelajaran teori dan amali pelbagai bidang kejuruteraan dengan penekanan kepada peralatan-peralatan Tentera Darat yang menjadi tanggungjawab Kor JLJ. Bagi peringkat juruteknik pula matapelajaran pengurusan turut diajar bagi menentukan mereka yang telah dilatih mampu menjadi penyelia yang berkesan. Struktur kandungan latihan ini mengikut hubungkait kemahiran dan pengetahuan adalah seperti rajah 1.

Selain perlu memenuhi ketetapan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai sistem gaji mengikut banci, sistem latihan teknikal untuk

Rajah 1



LLP Kor JLJ juga direkabentuk untuk memenuhi keperluan Pendekatan Latihan Secara Sistem (PLSS) yang diamalkan oleh Tentera Darat sekarang. Ini bererti latihan yang direkabentuk mestilah menepati keperluan spesifikasi kerja yang bakal menjadi tanggungjawab mereka yang menerima latihan. Dengan pendekatan ini, sistem latihan teknikal untuk LLP Kor JLJ sekarang hanya perlu memberi penekanan kepada bidang-bidang kejuruteraan dan teknologi peralatan yang ada dalam perkhidmatan Tentera Darat sahaja. Bidang teknologi lain yang tidak diamalkan dalam perkhidmatan tidak perlu dipelajari, walaupun ianya mungkin bersesuaian dengan bidang kepakaran anggota-anggota berkenaan.

SISTEM LATIHAN VOKASIONAL KEBANGSAAN

PERSIJILAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN

Semasa di peringkat awal penubuhannya, Malaysia tidak mempunyai sebarang sistem latihan vokasional secara terperinci. Latihan vokasional pada ketika itu hanya dilaksanakan oleh pelbagai institusi awam dan swasta secara persendirian tanpa sebarang pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Negara kita juga pada

masa itu, tidak mempunyai sebarang piawaian yang boleh di jadikan sebagai pengukur kepada ketrampilan pekerja-pekerja mahirnya. Oleh yang demikian, institusi-institusi latihan tadi telah mengeluarkan sendiri sijil masing-masing mengikut piawaian yang dibentuk berdasarkan kepada keperluan sendiri. Keadaan ini telah menimbulkan berbagai kekeliruan di kalangan majikan dan pengguna tenaga mahir untuk menentukan kelulusan mana yang lebih baik dan memenuhi keperluan pekerjaan yang sedia ada.

Menyedari akan masalah ini, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK) pada tahun 1971, untuk menyelaraskan pembangunan piawaian kemahiran bagi memenuhi keperluan sebenar pengguna tenaga mahir negara. Dua tahun kemudian, Persijilan Kemahiran Kebangsaan telah diwujudkan dan calon-calon yang menduduki ujian ketukangan kebangsaan dengan jayanya dianugerahkan Sijil Kecekapan Ketukangan. Pada tahun 1989, Majlis Latihan Vokasional kebangsaan (MLVK) telah ditubuhkan bagi mengambilalih peranan LLPPKK. Tidak lama selepas itu, Sijil Kecekapan Ketukangan telah ditukarkan menjadi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Permohonan untuk menduduki ujian SKM dibuat secara persendirian oleh calon termasuk anggota-anggota tentera terus ke MLVK. Mereka kemudiannya akan menduduki ujian yang dilaksanakan secara berjadual dan dikendalikan oleh pemeriksa-pemeriksa yang terdiri dari kalangan anggota-anggota dari agensi kerajaan dan swasta yang dilantik oleh MLVK. Sistem ujian secara "terminal" ini bagaimanapun didapati mempunyai pelbagai kelemahan kerana terlalu "rigid" serta tidak mendorong individu untuk memperkembangkan kemahiran mereka. Lanjutan dari itu, MLVK terpaksa mencari alternatif lain bagi mengatasi masalah ini dan seterusnya mengenalpasti pendekatan-pendekatan berikut:

* Mewujudkan struktur SKM meliputi bidang pekerjaan yang lebih luas.

* Mengubahsuai standard kemahiran kebangsaan yang sedia ada dari "job - based" dan mewujudkan 2 jenis kurniaan iaitu SKM dan Penyata Pencapaian.


* Memperkenalkan Pentauliah Pembelajaran/ Pencapaian Terdahulu (Accreditation of Prior Learning/ Achievement).

* Menyusun semula peringkat persijilan SKM di mana SKM Tahap 1 dan 2 diletakan di peringkat operasi dan pengeluaran dengan turut memberi penekanan kepada kemahiran teras (core skill) di samping kemahiran vokasional, sementara SKM Tahap 3 diletakan di peringkat penyeliaan dengan turut memberi penekanan dalam kemahiran pengurusan. Konsep Struktur Kandungan Latihan bagi tiap-tiap tahap SKM adalah seperti di rajah 2:

* Mewujudkan suatu sistem penilaian dan verifikasi yang lebih sesuai bagi menentukan jaminan mutu.

* Melaksanakan latihan secara modul supaya aktiviti penilaian dan verifikasi dapat dijalankan dengan berkesan.

Rajah 2



PERLAKSANAAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI SISTEM PENTAULIAHAN

Melalui sistem ini, MLVK memberi pentaauliahan kepada organisasi-organisasi merangkumi institusi latihan awam dan swasta serta syarikat-syarikat yang mempunyai latihan dalaman yang memenuhi kriteria tertentu untuk menjalankan latihan dan penilaian sendiri terhadap pelatih-pelatih mereka dan memastikan mutu penilaian adalah memenuhi apa yang ditetapkan oleh MLVK. Dalam aspek ini, adalah menjadi tanggungjawab institusi yang berminat untuk memohon menjadi Pusat Bertauliah (Accredited Centre) kepada MLVK bagi melaksanakan persijilan SKM. MLVK kemudiannya akan memperakukan permohonan ini jika institusi terlibat mempunyai kesesuaian berikut:

- * Kemudahan bilik darjah dan bengkel untuk tujuan latihan dan penilaian.
- * Mempunyai fasiliti yang mencukupi dalam keadaan bolehguna dan bersesuaian dengan kehendak

kemahiran yang dinyatakan di dalam Piawaian Kemahiran Kebangsaan (PKK) atau National Occupation Skill Standard (NOSS).

- * Mempunyai tenaga pengajar yang terlatih dan berkelayakan serta mempunyai kelayakan sebagai penilai mengikut piawaian yang ditetapkan oleh MLVK.

- * Mempunyai pegawai penyelia yang bertindak sebagai Pegawai Pengesahan Dalaman untuk menjalankan verifikasi proses-proses penilaian.


- * Mempunyai kaedah penyampaian latihan dan penilaian yang bersistematik.

Kaedah latihan melalui sistem pentaauliahan ini didapati lebih "flexible" dan mudah. Jangkamasa latihan tidak dianggap sebagai petunjuk kepada pencapaian kemahiran pelatih. Konsep latihan yang cuba diketengahkan ialah "free entry-free exit" di mana mereka yang mencapai tahap kemahiran dengan lebih tepat akan mendapat pengiktirafan sewajarnya. Para pelatih yang lulus semua unit kemahiran di dalam PKK akan diberi sijil SKM. Mereka yang gagal memperolehnya pula, boleh mengumpul Penyata Pencapaian dan terus berusaha melalui latihan atau pengalaman bekerja untuk mendapatkan Penyata Pencapaian untuk unit kemahiran lain sehingga mereka boleh memperolehi sijil penuh SKM.

Validasi atau penilaian dalam Sistem Pentaauliahan ini juga didapati berbeza dari cara konvensional yang dipraktikkan dalam kebanyakan sistem latihan vokasional sekarang. Penilaian SKM melalui sistem ini dibuat berdasarkan PKK

dan panduan penilaian yang berkaitan. Penilaian ini merupakan satu proses mengumpul bukti untuk membantu membuat keputusan bahawa kriteria prestasi telah dicapai. Laluan kepada penilaian untuk mendapatkan SKM haruslah terbuka untuk semua yang mempunyai potensi untuk berjaya. Laluan ini juga perlu bebas dari segala macam halangan seperti kaedah/kedudukan pembelajaran, had umur maksima/minima dan jangkamasa latihan. Kaedah penilaian adalah seperti rajah 3.

Rajah 3 : MODEL PENILAIAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA.




PENGUJUDAN PUSAT PENTAULIAHAN PERSIJILAN SKM BAGI KOR JLJ

Sebagai sebuah organisasi teknikal, Kor JLJ perlu menentukan agar latihan teknikal untuk anggota-anggota LLPnya dilaksanakan selaras

dengan kehendak MLVK. Perlaksanaan latihan yang tidak sehaluan dengan piawaian kebangsaan pasti merugikan kerana anggota-anggota LLP Kor JLJ yang mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang teknikal tidak akan mendapat pengiktirafan yang sewajarnya di luar perkhidmatan Angkatan Tentera. Untuk tujuan itu, adalah wajar jika Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED) yang bertanggungjawab melahirkan "krafman" bagi Kor JLJ diiktiraf sebagai sebuah Pusat Bertauliah untuk persijilan SKM. Melalui pengiktirafan ini, pelatih lepasan institut ini bukan sahaja akan mendapat pengiktirafan Tentera Darat, tetapi dalam masa yang sama akan memperolehi pengiktirafan dari badan piawaian tertinggi mengenai kemahiran.

Walaupun IJED dengan kemampuan dan kemudahannya yang sedia ada, tidak mungkin akan menghadapi masalah besar untuk berfungsi sebagai Pusat Bertauliah yang berkesan, usaha untuk menjadikannya sebagai sebuah Pusat Bertauliah Persijilan SKM bagaimanapun mempunyai pelbagai implikasi. Struktur kandungan latihan masakininya perlu diubahsuai bagi memenuhi kehendak PKK. IJED bagaimanapun tidak seharusnya memansuhkan struktur kandungan latihan ini secara menyeluruh dan menggantikannya dengan struktur kandungan latihan SKM sepenuhnya. Keadaan ini akan menjejaskan kepentingan perkhidmatan kerana pendekatan sebegini akan menyebabkan matapelajaran yang berkaitan dengan teknologi dan peralatan pertahanan terhapus. Matapelajaran akademik dan pengetahuan lain pula masih perlu dikekalkan agar wawasan Kor JLJ untuk mendapat pengiktirafan dari pusat-pusat pengajian tinggi tidak terjejas. Struktur kandungan latihan yang sepatutnya dilaksanakan di IJED dengan itu harus berbentuk seperti rajah 4.

Rajah 4: CADANGAN STRUKTUR KANDUNGAN LATIHAN GABUNGAN.



Gaji Banci juga perlu dikaji. Ketetapan laporan ini didapati terlalu ketat dan kesesuaian penggunaannya pada masa kini boleh dipertikaikan. Persoalannya, adakah sesuai untuk mengukur ketrampilan individu hanya berasaskan kepada jangkamasa latihan yang dihadiri dan seterusnya memberikan imbuhan tambahan kerana pencapaian ini? Bukankah lebih baik jika ketrampilan itu dinilai berdasarkan kemampuan melaksanakan tugas kemahiran selaras dengan piawaian yang ditetapkan? Selagi laporan Jawatankuasa Kabinet ini dianggap sebagai ketetapan yang kekal, sistem latihan teknikal dalam Kor JLJ tidak akan dapat berkembang maju.

PENUTUP

Sistem latihan teknikal bagi LLP Kor JLJ sekarang didapati telah dapat mencapai matlamat untuk melahirkan anggota-anggota yang cekap dan mahir dalam menentukan kebolegunaan peralatan-peralatan Tentera Darat. Kandungan latihan ini bagaimanapun didapati kurang bersesuaian untuk tujuan pengiktirafan sekarang kerana ia telah direkabentuk berdasarkan kepada keperluan pengiktirafan gaji dan bukannya berasaskan kepada keperluan memenuhi tahap ketrampilan anggota. Masalah ini telah menyebabkan usaha Kor JLJ untuk memperolehi pengiktirafan dari agensi awam menjadi terjejas.


Sistem latihan teknikal anggota-anggota LLP Kor JLJ dengan itu perlu dirombakrawat sepenuhnya. Sistem ini perlu mengambilkira keperluan sistem latihan vokasional negara sekarang yang menjadi piawaian latihan bagi melahirkan pekerja mahir. Sistem ini bagaimanapun tidak boleh mengabaikan matapelajaran teknologi pertahanan yang menjadi "benchmark" kepada kepakaran anggota-anggota JLJ dan bagi menjamin kepentingan perkhidmatan sentiasa terpelihara. Dengan pelaksanaan sistem

Selain dari itu, sistem pembelajaran yang dipraktikkan di IJED sekarang perlu juga dikaji semula. Ianya perlu bersifat lebih "flexible" dan mudah. Para jurulatih dan tenaga pengajarnya pula perlu lebih terbuka, berkelayakan dan berkemahiran. Mereka mestilah memahami sepenuhnya konsep latihan berasaskan ketrampilan (competency-based-learning) selain boleh melatih, membimbing dan mendorong pelatih dalam mempelajari kemahiran. Kaedah validasi dan penilaian di IJED juga perlu dipertingkatkan. Validasi yang dilaksanakan tidak seharusnya bersifat terlalu akademik dan ketat. Apa yang penting ialah penilaian yang dilaksanakan hendaklah boleh memberi maklumbalas kepada pelatih mengenai kelemahan yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan ketrampilan.

Untuk membolehkan IJED berfungsi sebagai Pusat Bertauliah yang cemerlang, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sistem

latihan teknikal yang menggabungkan keperluan kemahiran negara. Teknologi pertahanan dan aspek akademik, Kor JLJ bukan sahaja mampu melahirkan anggota-anggota yang cekap tetapi

turut menerima pengiktirafan yang sewajarnya dari agensi dan institusi awam. Peranan Kor JLJ dalam pencapaian rancangan pembangunan negara dengan itu akan lebih terserlah lagi.




Lt Kol Mohd Safii Mohammad was commissioned into the EME Corps on 13 October 1972. He has held various staff appointments at Formations and Ministry level. He holds first degree in Electrical Engineering from UTM and Masters in Business Administration (MBA) from UKM. He is presently the Director of Cawangan Sistem Komputer Logistik (CSKL), Bahagian Logistik Pertahanan Markas ATM.

"...the thing to do is to get good people and give them responsibility which is what they like.....that's the only way they can come up, prove their worth. You have to know your people and be confident in their ability from the start".

*Tan Sri Dato' Azman Hashim
Malaysian corporate figure*

FIELD ARTILLERY IN AN ANTI-ARMOUR ROLE IN THE FUTURE-PROBLEMS AND IMPLICATIONS

Lt Kol (B) Heera Singh



INTRODUCTION

The tank is considered the centerpiece of modern warfare and is one of the major weapons of present day armies. The present battle tank with its improved mobility, sophisticated armament which allows a hit with the first shot, makes it a very dangerous adversary indeed on the modern battle field. So much so that it is now considered the back bone and workhorse of modern armies and it will remain so in the near future. Indeed it has been said that for any battle group to be effective it must be built round a hard-core of tanks and other armored vehicles.

It is for these reasons that extensive research is at present being carried out in

anti-armour weaponry. Anti-armour weapons have already been introduced, which range from shoulder fired rocket driven shaped charges to wire guided missiles like the Milan, TOW, and the Dragon. These anti-armour missiles are deadly in the hands of a trained soldier. Anti-tank helicopters have also added a new dimension to the anti-armour concept. For the present however, all experts agree that even with the advent of these anti-tank missiles and other anti-armour means, the best counter-tank weapon is still the tank.

Artillery on the other hand has never been very effective against Armour. The probability of scoring direct hits on moving targets at long range is so low that Armour can advance through conventional Artillery fire with minimal

interference. History has shown that only about one percent of tank kills in World Wars 1 and 11, Korea and Vietnam were attributed to Artillery.

It has therefore been realized that for Artillery to be effective in the modern battle field, she has to acquire an anti-armour capability corresponding to the threat. This need for an anti-armour capability by the Artillery has been acquired. In fact it has vastly exceeded preliminary expectations. The advances in munition technology has now made ammunition available to the Artillery, which if used tactically and skillfully may make Artillery the most important component in all arms anti-armour doctrine. Anti-armour mine bomblets, terminally guided projectiles and laser guided projectiles have been added to the standard conventional munitions that the Artillery has. With the greater ranges available the anti-armour threat can now be dealt with way beyond the combat zone. This new capability will however have implications and may also pose problems. This paper will therefore try to analyse these implications and problems.

In this paper the generic term armour includes the whole armoured team i.e the light, medium and heavy tanks of the armoured cavalry, the infantry in armoured personnel carriers and self propelled Artillery.

PRESENT ARTILLERY ANTI-ARMOUR CAPABILITY

Using conventional ammunition, Field Artillery has at present, a very limited anti-armour capability. This is because Artillery has a severe restriction when firing in the indirect role, and that is, it is not accurate enough to engage pin point targets effectively. At present the only way

to engage these targets like an armoured vehicle is by adhering to slow, cumbersome technical procedures that use up a lot of ammunition. The targets also need to be observed, which is a very serious limitation especially when firing deep into enemy held territory. These procedures are made even more difficult when these targets are moving.

Of course, if enough guns fire enough shells and there are many tanks in the general target area, then some hits may be possible. Even then, conventional high explosive rounds are limited in their effectiveness against armour, unless they hit certain vulnerable points. Armour technology has also advanced rapidly such that armoured vehicles can only be damaged at present by special purpose anti-armour projectiles.

Field Artillery may however play an indirect role in countering armour, especially tanks, with its present capability. In any manoeuvre where tanks are involved with infantry on foot, the Artillery with its indirect fire capability will be able to neutralize the infantry. This may then render the tanks vulnerable to hand held anti -tank weapons. The other indirect effects of conventional Artillery fire on armour especially from medium or heavy guns is as follows:

- * Armour maybe forced to close down in the face of heavy Artillery fire. This may impede their momentum and lessen their security in mobile operations.
- * Smoke and dust caused by Artillery fire will decrease the effectiveness of their main armament due to the obscuration of their control instruments.

* Severe damage can be inflicted to external ancillaries such as radio antenna, driving and gunnery optics and external fuel tanks.

* General fighting efficiency and morale will be temporarily lowered due to the constraints placed on armour operations by Artillery fire.

TECHNOLOGY INNOVATION TO ENHANCE THE ARTILLERY ANTI-ARMOUR CAPABILITY IN THE FUTURE

The anti-armour capability of Field Artillery has been enhanced to a great extent recently due to technological innovations in the field of ammunition. This new generation of ammunition will greatly enhance the anti-armour capabilities of the Field Artillery system in the future. What is also important is the fact that with this new capability, Field Artillery will be able to engage armour targets at long ranges.

ANTI-ARMOUR MINEFIELD BOMBLETS

Technical Concept. These projectiles usually have a number of anti-armour mines packaged in several mine distribution canisters. When the projectile opens in mid air the mine-distribution canisters are ejected to form an instant mine field. These mines are equipped with an electronic fuse system which can be programmed to self destruct after a pre-determined time on the ground, in accordance with tactical requirements. A target sensor in the mine will cause the mine to detonate when it makes contact with any part of an armoured vehicle.

Operational Concept. With these anti-armour bomblets, Field Artillery will be able

to deliver anti-armour mine fields deep within enemy territory. The tactical implications of this new found ability are many. Firstly, with ranges of these projectiles going up to 16,000 metres, it means the anti-armour plan can be initiated very early. Enemy armour can be engaged even as they move out of their assembly areas.

The delivery of Artillery laid minefields will also be extremely rapid. A decision to deploy mines in a given area can be made and implemented within minutes. Once laid, these mine-fields can be maintained by firing more projectiles into areas where breaching has occurred. Contingency measures can also be taken immediately, once an advancing armoured column is sighted. Mines can be laid forward of the axis of advance of the column. Attempts to clear these minefields can be made difficult by harassing fire using conventional HE or improved Conventional Munition (ICM) shells. Armoured columns can thus be easily bogged down.

The combination of the mines strategic and tactical implications, will make these Artillery delivered anti-armour minefields a very important part of the anti-armour plan. They can be a major means of slowing and ultimately stopping massive armour assaults.

Limitations. These anti-armour mine bomblets do have certain limitation however. They cover both technical and tactical situations. They are:

* **Observation.** A principle in obstacle laying is that all obstacles including minefields must be covered by fire. Although indirect fire can be brought to bear in areas around the minefields, we would still need some form of observation to indicate the presence of the enemy in those areas. Otherwise to

fire indiscriminately would both be wasteful and dangerous as it would leave the firing unit vulnerable to detection by enemy locating devices. It will also be difficult to assess the effectiveness of any minefield without it being observed.

* **Doubled edged.** The capability to lay anti-tank minefields within minutes of the decision, can be a double edged weapon. Mine laying through the Artillery process can be a very quick and clinical process. In the heat of battle, there is every opportunity for wrong decisions to be made which could prove tactically fatal. This is especially so when these minefields will not be marked. Although a self destruct time mechanism is inbuilt within these projectiles, these minefields may limit own manoeuvre during short period of time.

* **Good intelligence.** For these anti-armour mine bomblets to be effective, targets way beyond enemy forward troops must be acquired. There are however problems in trying to acquire targets deep in enemy held territory. These are:

* Own forces operating deep within enemy territory are usually special forces who have got other specific tasks. They may be able to call for these minefields to be laid but it may be at the expense of jeopardizing their own missions.

* Air photographs are useful but may be too late, as an armoured column may have moved way beyond where they were photographed, by the time the photograph reaches the correct intelligence agencies.

These anti-mine projectiles are therefore only as effective as the intelligence which acquires these targets. The intelligence will also have to be very current. Possible intelligence means would be RPV's or air observers.

LASER GUIDED PROJECTILES

Technical Concept. Laser guided projectiles are projectiles that are designed to hit pin point targets unlike conventional rounds which are basically area weapons. These projectiles are also known as Cannon-Launched Guided Projectiles (CLGP). The most well known of these projectiles is the U.S. made M712 Copperhead. These projectiles work on the technical concept of using laser designators operated by forward observers or RPV's to laser guide projectiles onto designated targets.

These laser guided projectiles do not make any special demands on the delivery means or the gun crew. When a projectile is fired it follows a normal ballistic trajectory towards the target area. A pre-set timer activates the laser seeker which scan the target area searching for the particular laser frequency that identifies its assigned laser designator. The forward observer keeps the laser designator spot on the target to be destroyed. The projectile then locks on to the designated target. The guidance unit computes the manoeuvre required for a direct hit and steers the shell directly to the target.

Operational Concept. Artillery with laser guided projectiles will provide commanders with another effective anti-armour option i.e. the ability to destroy armour beyond enemy lines. If enemy rear areas can be observed and armour targets acquired, then enemy armour might not be given the opportunity to reinforce or augment forward positions. They can also be

engaged long before their weapons are within lethal range of forward defensive positions.

CLGP's will certainly improve the accuracy of Field Artillery, in so far as the engagement of pin point targets are concerned. So long as targets are designated accurately, Artillery laser guided projectiles can hit a moving target with precision. Laser guided projectiles will also be effective as it attacks the top of the tank which is its weakest point. A direct hit by a projectile of this nature will immobilize or destroy any armoured fighting vehicle in the world.

Limitations. Limitation of these projectiles are as follows:

* **Guidance.** For laser guided projectiles to function there has to be some form of electronic guidance to designate the projectiles onto targets. These electronic designators, RPV's or even helicopters. Each designator operates on a different electronic code which is imparted to the laser beam by modulating process. If a number of designators operate with the same code in a combat zone, the projectiles will be confused and head for the strongest laser reflection, regardless of its cooperating designator.

* **Electronic Jamming.** Presently there exists laser warning receivers which can warn the enemy that laser designators are operating in the vicinity. Laser guided systems can therefore be jammed. This will disrupt fire unit/forward observer communications and thereby the fire control system

collapses. Targets are illuminated but no shells arrive or vice versa. Hence the whole system must be based on excellent and fully secure communications.

* **Line of Sight.** For the laser designer system to function effectively, targets must be designated. This means the forward observer teams with laser designators or RPV's with electronic designators must have the targets under visual of electronic observation. Failing this, targets cannot be designated and thereby the system ceases to function effectively. Visual observation is however not an easily attainable privilege on the battle field. Smoke screens, being under enemy direct or indirect fire and natural phenomena like rain, fog and mist can prevent effective visual observation and successful laser designation.

TERMINALLY GUIDED PROJECTILES

Technical Concept. These projectiles function according to the following sequence. At about 500 metres above the target area, an ejection charge scatters two or three submunitions out of the projectile. A time fuse initiates this process. At an altitude of about 150 metres the munition becomes completely functional. The munition's sensors will then scan the ground. If a target is recognized, the projectile will then set off, strike and destroy the target. The most well known projectile of this nature is the US made sense and destroy armour (SADARM) seeker fuse munition. These projectiles are delivered in a similar manner to conventional ammunition using normal delivery means.

Operational Concept. The operational implications of these projectiles are similar to those of the laser guided projectiles. These projectiles however, have the following advantages when compared to laser guided projectiles. They are:

- * It avoids the risk of the observer losing sight of the armoured target at the critical moment, as it passes behind vegetation or into dead ground. The projectile will operate even without an observer, provided sound intelligence is available on the target.

- * It avoids the risk of the observer giving away his position by use of his designator.

Limitation. The major limitation to this projectile is that it must be complemented with instant intelligence concerning enemy armour. If this is available then these projectiles become very effective indeed.

The other limitation is that its use is limited when enemy armour is in close combat or close proximity to our own armour. This is due to the fact that these projectiles do not have the ability to differentiate between friend and foe and therefore may destroy own armour.

PROBLEMS AND IMPLICATIONS FOR FIELD ARTILLERY IN THE PERFORMANCE OF THIS ANTI-ARMOUR ROLE

When the crossbow was introduced into Europe in the 10th Century AD it was said that the weapon was so lethal that it's devastating effects would put an end to the continual wars that had plagued medieval Europe. The effect of the crossbow was not the ending of war, but a change in organization and tactics of armies. The

introduction of precision anti-armour ammunition for the Field Artillery will similarly not end wars. However if it fulfills expectations, then this new weapon, will change the way that battles are fought. It will effect anti-armour tactics and doctrine. It will also affect armoured vehicle design. We therefore need to fully understand the implications, and prepare to use these ammunition to their optimum effect. At the same time a new weapon system like this is never without some inherent problems. These problems are both technical and tactical in nature.

PRIORITY OF ROLES

Artillery has not characteristically been used as an anti-armour weapon. The arrival of precision guided munitions in all its forms will change this concept. However, will this mean abandoning its present primary roles of close support and counter battery fire? The answer is a definite "No". There is no substitute for Artillery close support fire that can be obtained from other weapon systems like the mortars, attack helicopters or air strikes. Each of these weapon systems have their inherent weaknesses and will be utilized in certain tactical circumstances to complement Artillery fire. Artillery fire is a source of combat power that is available twenty four hours a day in all weather conditions. It would be naive to even think of replacing this source of fire power with another.

Based on this premise, how will the Artillery then take on this new anti-armour role? Obviously there has to be some form of compromise. However it must be clear that Artillery will not abandon it's primary roles. It will augment the anti-armour means in a combat zone but not at the expense of providing close fire support or counter battery fire.

FIELD ARTILLERY COMBAT REORGANIZATION

Artillery is a scare resource. There will always never be enough Artillery to support all units on the battlefield. This is in it's primary roles of close fire support and counter battery fire. Therefore to add a new anti-armour role will mean that the Artillery system is likely to be saturated with requests for fire missions in the future battlefield. While an Artillery battery can carry out all these tasks, it cannot do all of them simultaneously. The increased capabilities and consequently increased role therefore require more Artillery for maximum effectiveness.

A way out of this dilemma would be to establish an anti-armour battery in a general support regiment. This battery would have the anti-armour role as it's primary role. A step further would be to have an Artillery anti-armour regiment as part of Divisional Artillery. This regiment could have three anti-armour batteries which could be tasked on anti-armour roles in a Divisional area of operations. The number of guns in a firing unit may also be increased, say from six to eight guns. Guns can then be dispersed in half batteries of four pieces, each of which constitute an effective firing unit. This may allow one firing battery to engage on two diferent tasks simultaneously. It must be clarified here that this will only be done when necessary, and will not be the norm. There are advantages and disadvantages to all these solutions, and only a great deal of debate will find the optimum solution. The implications are however clear. Field Artillery may need to reorganize current combat organizations if it is to perform the anti-armour role effectively in the future.

LOGISTIC/AMMUNITION PROBLEMS

One of the major problems that Field Artillery faces in the modern battelfield is ammunition resupply. Firing at an intense rate of three rounds per minute, an Artillery battery will have depleted it's first line stock of one hundred and fifty rounds per gun, in fifty minutes. In the present day battlefield, it may be usual for an Artillery firing battery to expend three or four first line ammunition stocks to support any offensive or defensive manoeuvre as was clearly shown in the initial Egyptian offensive over the Bar-Lev line during the Yom Kippur war.

The addition of this new anti-armour role will add to this logistics problem. To carry out this new role, precision ammunition may have to be added to the first line ammunition stock. Conventional ammunition stocks will definitely remain the same. To decrease the stock to accommodate non-conventional ammunition would be detrimental to the effective performance of the fire support role in the combat zone. Commanders at all levels will therefore have to decide on how much more non-conventional ammunition to be brought to the combat zone. Logistics doctrine may perhaps be re-written to accommodate this extra ammunition load.

There will also be the cost factor that has to be taken into consideration when discussing precision anti-armour ammunitions. It is estimated that each of these new anti-armour projectiles will cost about US \$36,000/- (at the 1987 rate). It does not need an imaginative mind to conclude that it will be very expensive to train and be equipped with these types of ammunition. The question is, will most Armies with limited budgets be willing to have this weapon system at the expense of other arms and equipment like tanks and infantry?

It can however be debated that this precision ammunition will prove to be a more cost effective way of destroying enemy armour, than by tank engagements. This especially so in relation to its accuracy. If the fired projectile is a laser guided weapon, the hit probability over a range of 20 kilometers on a 6 foot square target would be 96%. This is a value impossible to achieve with standard ammunition. Therefore it may be argued that it is more cost effective to use a US \$36,000/- projectile to destroy a multi-million dollar tank rather than risk own tanks being destroyed in a tank to tank confrontation.

VULNERABILITY

This revolutionary new capability of the Field Artillery will have one adverse effect and that is, it will attract a great deal of unwelcome attention. Commanders at all levels will place the neutralization of Field Artillery high on the priority list since the effective and skillful use of Artillery can not only neutralize the opposing Field Artillery but now even the opposing armour. It is therefore clear that in the future battle field, Artillery firing units will undoubtedly be subjected to heavy counter battery fire and intense air strikes. This unwelcome attention will therefore increase the vulnerability of Field Artillery firing in the combat zone. To ensure survivability, there will have to be significant increase in the number of times that firing units will have to redeploy in certain tactical situations. This constant moving will affect the level of fire provided, because when moving, no firing can be done and thus no fire support can be provided.

CONCLUSION

The advent and arrival of precision munitions into the Field Artillery system, offers

an alternative anti-armour means that is at present showing great promise. These new Artillery precision projectiles offer a revolutionary advance in Field Artillery anti-armour capability. With this new anti-armour capability, the role of Artillery will be dramatically extended to embrace a completely new range of targets in the future. These new targets will cover all types of armour which may be engaged by the Artillery before they can even reach the main combat zone. This is especially so if Field Artillery is complemented by accurate target acquisition means.

These new projectiles are not paper concepts. They have been demonstrated and tested. The result have shown great promise and in certain instances have exceeded preliminary expectations. With this new capability, Field Artillery will play an important role in the all arms anti-armour doctrine.

This new capability and thus new role will however not be at the expense of the primary roles of Field Artillery, which is the provision of close fire support and counter battery fire. These roles will not be compromised. To effectively undertake this new role without jeopardizing its primary roles, Field Artillery may need to reorganize and restructure. Otherwise it will not be able to cope. As it is, in any battle field the Field Artillery system is normally saturated with requests for fire missions. More firing units would probably be an answer. So will a restructuring on the lines of eight gun batteries or anti-armour batteries or even Artillery anti-armour regiments. The message is however clear, Field Artillery will perhaps be the major threat to armour in the future battlefield. This will remain so, until and unless there is a corresponding increase in armour technology and effective counter measures for these anti-armour projectiles.

BIBLIOGRAPHY

ARTICLES AND PERIODICALS

Antoniotti, Joseph, Field Artillery - Its Role in Ground Warfare before 1990, NATO's Sixteen Nations, August - September 1983.

Backofen, Joseph E., Armor Technology Armour, May - June 1982.

Bishop, Richard M., Captain, Multiple Launch Rocket System Tactics, Field Artillery Journal, May - June 1985.

Burke, John T, Col, The Firepower Revolution, Army Nov 1988.

Devers, Jacob L., General, The Future of Armour, Armour, May June 1985.

Dodd, Norman L., Col, Stopping the Juggernaut - An all Arms anti-tank doctrine, Asian Defence Journal, 10/87.

Dodd, Norman L., Col, Armour in Battle, Asian Defence Journal, 2/85

Ellis, Andrew G., Major, Smart Weapons System for Engaging Second Echelon Forces, Field Artillery Journal, Dec 1989.

Feisenheyner, Stefan, Magic for the Artillery, Asian Defence Journal, 3/83.

Glanz, Meinhard, Lieut Gen, Degeating Enemy Armour, NATO's Sixteen Nations, Special 1/1983.

Leahy, James B., Major, Killing Enemy Armour, Infantry, Nov - Dec 1989.

Malone, Daniel K., Colonel, The Breakthrough in anti-tank warfare, NATO's Fifteen Nations, Feb - Mar 1982.

Rogers, Patrick F., The New Artillery, Field Artillery Journal, Nov - Dec 1980.



Lt Kol (B) Heera Singh was commissioned from the Indian Military Academy Dehradun, into the Royal Malaysian Artillery Corps in December 1975. Attended MTAT in 1990. He has served as a staff officer in the Mixed Military Working Group in UNTAC HQ in Phnom Penh, Cambodia in 1992/93. He also served in the UN HQ New York as UNTAC liason Officer in 1993. His last appointment in the Army was Commanding Officer 21 Arty Medium Regiment.

"A platoon leader doesn't get his platoon to go by getting up and shouting and saying, "I am smarter, I am bigger, I am stronger, I am the leader. "He gets men to go along with him because they want to do it for him and they believe in him"

Dwight David Eisenhower

PEMANSUHAN 'INITIAL SPARES REQUIREMENT' BAGI PERALATAN KAPITAL DI DALAM TENTERA DARAT

Oleh Lt Kol Khairuddin Hj Abu Bakar

PENDAHULUAN

Amalan menyediakan 'Initial Spares Requirement' (ISR) Kepada setiap peralatan yang diperkenalkan di dalam tentera adalah bertujuan membekal alatganti keperluan peralatan yang digunakan dalam tempoh masa dua tahun sebelum pengalaman penggunaan diperolehi. ISR atau Sukatan Alatganti Permulaan disediakan berasaskan kepada cadangan pembekal memandangkan pengguna berkurangan pengalaman dan kepakaran di dalam membuat ramalan yang tepat dan menyeluruh di dalam menyediakan skala. Alatganti yang disenaraikan sebagai 'schedule' dalam kontrak induk (kontrak peralatan kapital) akan dibuat penghantaran bersama dengan peralatan kapital berkenaan.

Jumlah alatganti dalam ISR berbeza mengikut jenis peralatan kapital yang dibuat perolehan. Namunpun begitu, pada hakikatnya 10% daripada peruntukan kontrak induk disediakan untuk pembelian ISR yang terdiri dari komponen utama dan yang terpenting dalam menjalankan sistem peralatan kapital.

Mengikut pengalaman pengguna, kebanyakan alatganti yang disenaraikan dalam ISR tidak digunakan sepenuhnya. Dengan demikian, maka timbulah beberapa isu yang berkontroversial iaitu siapa yang akan bertanggungjawab kepada alatganti ISR yang tidak bergerak apabila terdapat teguran dari pihak audit. Dalam situasi begini, sebagai 'custodian'

kepada aset kerajaan pihak Ordnans sering dipersalahkan menyimpan stok yang berlebihan dan tidak bergerak.

TUJUAN

Untuk mencadangkan pemansuhan ISR peralatan kapital dalam perkhidmatan tentera dan menggantikan dengan kontrak alatganti.

PERBINCANGAN

PERSEDIAAN SUKATAN ALATGANTI DALAM ISR

Sepertimana yang telah dijelaskan, ISR berbeza di antara satu sama lain kerana ianya tertakluk kepada peralatan kapital yang dibuat pembelian. Perlu dinyatakan bahawa bukan semua pembelian peralatan kapital dilengkapi dengan ISR. Ianya tertakluk kepada persetujuan di antara pihak pembekal dengan kerajaan sebelum sesuatu kontrak dimeteraikan. Pada dasarnya 10% daripada kos kontrak induk akan diperuntukkan untuk keperluan ISR. Pihak MK PL TD-Kumpulan JIJ dengan cadangan yang disyorkan oleh pihak pembekal akan menyediakan satu senarai alatganti termasuk kuantiti yang diperlukan beserta kos untuk satu item mengikut komponen utama. Sebagai contoh kepada komponen utama dalam sebuah kenderaan ianya merangkumi perkara-perkara seperti injin, gear box, transmission, clutch, distribution box dan axle.

Mengambil kesempatan dari kedaifan pengguna di atas kesahihan kebolegunaan alatganti tersebut, pihak pembekal akan mencadangkan beberapa alatganti yang mempunyai kosnya tinggi, kurang laris penggunaannya dan alatganti yang bakal dikeluarkan dari inventori pegangan mereka.

OBJEKTIF ISR

Objektif ISR bagi setiap peralatan kapital boleh dirumuskan seperti berikut:

Menetapkan secara kasar jenis alatganti peralatan kapital yang diperlukan dalam tempoh 2 tahun sebelum SAGAS dikeluarkan.

Untuk dijadikan sebagai ukuran dalam membuat perolehan perbekalan alatganti.

KEBAIKAN ISR

Kebaikan ISR boleh dihuraikan seperti berikut:

Menemui Keperluan Segera.

Di dalam tempoh masa 2 tahun (sebelum kontrak alatganti diwujudkan) ISR berupaya menampung keperluan segera sekiranya alatganti tersebut diperlukan. Ianya merupakan satu perjanjian pakej (package deal) dalam membantu pengguna memperolehi alatganti tertentu dalam tempoh masa 2 tahun sebelum kontrak alatganti ditandatangani

Tidak Perlu Kontrak Khusus.

Adalah difikir memadai kalau alatganti yang diperlukan dibuat penelitian dengan betul (if properly vetted), ianya tidak memerlukan satu kontrak khusus diikat

untuk alatganti senggaraan. Secara amnya, alatganti ini hanya khusus bagi keperluan peralatan kapital kegunaan pertahanan sahaja.


Tidak Memerlukan Peruntukan Kewangan Berasingan. Alatganti yang disenaraikan dalam ISR tidak memerlukan peruntukan kewangan berasingan. Hanya peruntukan pembangunan 'DE' sahaja digunakan.

KELEMAHAN ISR

Ketetapan dan kekerapan alatganti yang disenaraikan dalam ISR adalah diragui kegunaannya. Dari pengalaman yang lepas, kebanyakan alatganti yang disyorkan oleh pihak pembekal jarang digunakan. Kalau ianya digunakan sekalipun, kegunaannya hanya berlaku apabila peralatan kapital (produk) mencapai umur menurun dalam kitaran hayat produk. Lihat Rajah 1 di bawah.

Rajah 1

KITARAN HAYAT PRODUK



Beberapa kelemahan yang diutarakan di bawah perlu diberi perhatian serius. Antara kelemahannya adalah:

